

0697

U 8670 DEB  
UMNO - KRISTIAN R R R

KUALA LUMPUR, 26 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN AKAN MENYIASAT KANDUNGAN SEBUAH BUKU DARI RIYADH, ARAB SAUDI, YANG MENYENARAikan 10 PERKARA YANG DIDAKWA BOLEH MEMURTADKAN SESEORANG ISLAM.

BELIAU BERKATA, SALAH SATU PERKARA ITU IALAH APABILA DIA (ORANG ISLAM) MENERIMA ORANG BUKAN ISLAM SEBAGAI PEMIMPIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DAKWAAN SEUMPAMA ITU BOLEH MENINGGALKAN KESAN YANG BESAR KEPADA MASYARAKAT ISLAM, TERUTAMANYA YANG MENJADI KAUM MINORITI, BAHKAN KEPADA MASYARAKAT, ISLAM DI MALAYSIA SENDIRI.

+JIKA DAKWAAN ITU BENAR, BAGAIMANA KEDUDUKAN MASYARAKAT ISLAM YANG BERTARAF MINORITI DI NEGARA YANG DIPIMPIN OLEH PEMIMPIN BUKAN ISLAM?+ TANYA BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO, HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, JIKA DAKWAAN ITU BENAR, SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT ISLAM MINORITI +TERGOLONG SEBAGAI MURTAD, TERMASUK JUGA MASYARAKAT ISLAM NEGARA INI YANG MEMPUnyAI PEMIMPIN BUKAN-ISLAM.+ -- LAGI.

1739MST 26 09 87

D711

U 8683 DEB  
UMNO - KRISTIAN 2 KUALA LUMPUR R R R

BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA, KERAJAAN KHUATIR DENGAN USAHA-USAHA BARU YANG DIBUAT OLEH SESETENGAH PIHAK DALAM MEMBUAT TAFSIRAN MENGENAI MURTAD.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, BUKU BERKENAAN TIDAK DIHANTAR OLEH KERAJAAN ARAB SAUDI KE NEGARA INI WALAUPUN IA DIBAWA DARI NEGARA BERKENAAN.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BAHAWA KERAJAAN AKAN MENYIASAT BERITA MENGENAI ORANG MELAYU YANG MENDAKWA PERNAH MENJADI PADERI KRISTIAN SEBELUM KEMBALI MEMELUK AGAMA ISLAM.

MENGENAI DAKWAAN TERDAPATNYA ORANG MELAYU YANG MEMELUK AGAMA KRISTIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEHINGGA KINI DAKWAAN-DAKWAAN SEUMPAMA ITU BELUM TERBUKTI.

MENURUTNYA, BELIAU BELUM BERTEMU SEORANG PUN ORANG MELAYU DARIPADA 2,000 ORANG YANG DIDAKWA TELAH MEMELUK AGAMA KRISTIAN. -- BERNAMA.

1804MST 26 09 87